



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 Mei 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Papar harga ubat tingkat sistem kesihatan negara lebih adil - Cuepacs

SHAH ALAM - Pemaparan harga ubat di premis kesihatan swasta dilihat sebagai usaha ke arah memberikan akses rawatan lebih adil dan mampu milik kepada semua lapisan masyarakat terutama dalam keadaan kos perubatan yang semakin meningkat.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Dr Adnan Mat berkata, dasar itu bukanlah satu bentuk kawalan harga ubat sebaliknya merupakan inisiatif ke arah ketelusan maklumat dan hak pengguna untuk mengetahui harga ubat yang dijual.

Menurutnya, ia juga membuka ruang kepada persaingan sihat dalam sektor kesihatan swasta yang pada akhirnya menguntungkan rakyat.

"Kami menyokong langkah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang memperkenalkan dasar pemaparan harga ubat di premis kesihatan swasta.

"Langkah ini adalah hasil libat urus yang dijalankan secara menyeluruh oleh KKM bersama semua pihak berkepentingan termasuk pengamal perubatan swasta dari klinik dan hospital swasta lebih setahun yang lalu.

"Pendekatan ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan suara semua pihak diambil kira sebelum pelaksanaan dasar dibuat," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini, semua jenis ubat yang dijual atau dibekalkan di farmasi komuniti serta fasiliti kesihatan swasta diwajibkan mempunyai penandaan harga bermula 1 Mei 2025.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan



ADNAN

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali menyatakan bahawa langkah tersebut adalah sebahagian daripada pelaksanaan Mekanisme Ketelusan Harga Ubat (MKHU).

Tambah Adnan, pihaknya juga menyambut baik syor telah lama dikemukakan pelbagai persatuan pengguna yang mahukan ketelusan harga ubat bagi membolehkan rakyat mengetahui dan membuat pilihan berdasarkan kemampuan masing-masing.

Ujarnya, Cuepacs turut menghargai pendekatan berhemah kerajaan yang memberikan tempoh selama tiga bulan kepada semua pihak terlibat untuk melaksanakan dasar tersebut tanpa tindakan penguatkuasaan.

"Ini membuktikan bahawa kerajaan mengutamakan kerjasama, persediaan dan penyesuaian yang adil kepada semua penyedia perkhidmatan kesihatan swasta.

"Sebagai wakil kepada jutaan penjawat awam yang turut menjadi pengguna perkhidmatan kesihatan swasta, kami melihat dasar ini sebagai langkah ke hadapan dalam meningkatkan sistem kesihatan negara lebih telus, mesra rakyat dan bertanggungjawab," katanya.

Ketelusan harga ubat untuk kebajikan rakyat: Cuepacs

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyokong penuh langkah kerajaan meningkatkan ketelusan harga ubat di premis kesihatan swasta demi kebajikan rakyat.

Presidennya, Adnan Mat berkata, pihaknya menyambut baik usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang memperkenalkan dasar pemaparan harga ubat, hasil libat urus menyeluruh bersama semua pihak

“Pendekatan ini menunjukkan kerajaan serius memastikan suara semua pihak didengar”

*Presiden Cuepacs,
Adnan Mat*

berkepentingan lebih setahun lalu.

“Pendekatan ini menunjukkan kerajaan serius memastikan suara semua pihak didengar sebelum dasar ini dilaksanakan.

“Cuepacs juga menyokong syor yang lama diperjuangkan pelbagai per-

satuan pengguna supaya rakyat tahu harga ubat sebenar dan boleh buat pilihan mengikut kemampuan masing-masing,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, dalam keadaan kos perubatan yang semakin meningkat, dasar itu mampu menjadi jalan penyelesaian ke arah rawatan lebih adil dan mampu milik untuk semua lapisan masyarakat.

Katanya, penting untuk difahami dasar itu bukan bentuk kawalan harga, sebaliknya inisiatif ke arah ketelusan maklumat dan hak pengguna.

Wajibkan pameran harga ubat lindungi hak pengguna, tingkat ketelusan

Langkah kerajaan mewajibkan semua jenis ubat dijual atau dibekalkan di farmasi komuniti serta fasiliti kesihatan swasta perlu mempunyai tanda harga mulai 1 Mei lalu adalah langkah wajar dan tepat pada masanya.

Namun, terbit soalan utama susulan keputusan ini - mengapa baru sekarang? Selama bertahun-tahun, rakyat terutama mereka yang bergantung kepada klinik swasta bagi mendapat rawatan segera menjadi mangsa kepada ketidaktelusan dalam kos perubatan, khususnya harga ubat.

Apabila pesakit membayar bil rawatan di klinik, mereka sering tidak tahu berapa caj sebenar bagi perundingan dan berapa pula untuk kos membayar ubat. Kekaburan ini membuka ruang kepada manipulasi harga tidak wajar.

Negara mempunyai Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang melarang peniaga menaikkan harga barang atau perkhidmatan secara tidak munasabah, tetapi klinik seperti dikecualikan.

Akta 723 sepatutnya melindungi pengguna daripada sebarang unsur pencatutan, termasuk kos rawatan dan bayaran ubat di klinik swasta. Adakah pengguna selama ini menjadi mangsa kepada sistem tidak telus?

Pesakit datang untuk mendapatkan rawatan, tetapi pulang dengan bil bercampur aduk dengan caj perundingan dan ubat, dengan anggapan mungkin itu kos harus ditanggung pakar kesihatan.

Klinik swasta selama ini bebas menetapkan harga ubat mengikut budi bicara sendiri tanpa sebarang keperluan untuk mempamerkan harga atau memecahkan butiran bil.

Tidak seperti farmasi atau pasar raya tertakluk pada prinsip ketelusan harga, klinik perubatan swasta seolah-olah berada di luar radar. Malah, mereka tidak tertakluk kepada Akta 723.

Akan tetapi apabila ada bantahan terhadap peraturan baharu ini, ia membawa isyarat jelas seperti ada sesuatu sedang disorok. Jika tiada apa yang ingin disembunyikan, mengapa takut kepada ketelusan?

Selama ini, orang sakit bukan sahaja perlu menanggung kos rawatan, tetapi juga kos ubat melambung, tanpa ruang untuk bertanya, apatah lagi membandingkan harga. Inilah bentuk pencatutan senyap berlaku bertahun-tahun dan seperti dinormalisasikan.

Menjadikan alasan 'klinik menyediakan perkhidmatan profesional dan harga ditentukan budi bicara pengamal perubatan' amat bertentangan dengan semangat kawalan harga dan antipencatutan.

Apa yang penting, langkah mewajibkan premis kesihatan memaparkan harga ubat bukan sahaja meningkatkan ketelusan, malah memberi kuasa kepada pengguna membuat pilihan lebih bijak.

Kerajaan juga mesti bertegas dan tidak berundur kerana tekanan daripada pengamal perubatan dan premis kesihatan swasta. Hari ini, rakyat memerlukan sistem kesihatan swasta adil, bukan diperangkap dengan pencatutan berselindung di sebalik salinan preskripsi ubat.

Pada masa sama, pengguna juga perlu lebih bijak dan cakna. Dalam era digitalisasi ini, pengguna boleh menyemak dengan mudah dan mengakses harga ubat dalam talian serta melaporkan kepada pihak berkuasa jika berlaku manipulasi melampaui harga ubat.

'Tangguh pelarasan RON95, tarif elektrik'

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa menangguhkan pelaksanaan sebarang cadangan berkaitan kenaikan petrol RON95 dan kenaikan kadar tarif elektrik pada tahun ini bagi menghadapi kemungkinan kesan tarif timbal balas Amerika Syarikat (AS).

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata langkah ini perlu bagi menunjukkan keprihatinan kerajaan serta mengambil serius terhadap kesan di sebalik pelaksanaan tarif timbal balas oleh AS.

"Kita tangguhkan sebarang perubahan dasar, terutama dasar fiskal negara yang boleh memberi tekanan kos dan melemahkan sentimen perniagaan dan akhirnya membebankan pengguna. Saya nak bagi contoh, tentang (cadangan) kenaikan RON95 pada Jun ini supaya kerajaan ambil kira. Kalau boleh kita tangguh, kita tangguhkan."

"Begitu juga dengan (cadangan) kenaikan tarif elektrik pada Julai 2025 dan kita tangguhkan juga langkah peluasan skop SST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) tentunya kita ambil kira juga."

"(Pembelian) Beli 30 buah pesawat Boeing dalam keadaan ekonomi tak menentu ini, kita tang-

guhkan dulu," katanya pada sesi perbincangan pada mesyuarat khas berkenaan isu tarif AS di Dewan Rakyat semalam.

"Kerajaan perlu berhati-hati dan mempertimbangkan secara serius kesan tarif tersebut. Sebarang perubahan, terutamanya dasar fiskal, boleh meningkatkan kos dan melemahkan keyakinan perniagaan, yang akhirnya akan membebankan pengguna."

"Saya juga menggesa kerajaan menangguhkan pembelian 30 buah pesawat Boeing memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu ini," katanya.

Hamzah turut mencadangkan penubuhan satu jawatankuasa khas atau kaukus pelbagai parti bagi menangani isu berkaitan tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat.

Beliau berkata, jawatankuasa itu juga harus membabitkan pemimpin dari empat negeri yang diterajui PAS.

Pada 2 April, Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, mengumumkan tarif asas sebanyak 10 peratus ke atas semua import ke Amerika Syarikat, dengan kadar yang lebih tinggi dikenakan terhadap beberapa negara — termasuk tarif sebanyak 145 peratus ke atas barangan dari



Hamzah pada sesi perbincangan pada mesyuarat khas berkenaan isu tarif AS di Dewan Rakyat, semalam.
(Foto Jabatan Penerangan)

China, manakala eksport Malaysia dikenakan tarif 24 peratus.

Sementara itu, Ahmad Fadhli Shaari (PN-Pasir Mas) berkata isu tarif timbal balas AS bukan kecil kerana ia boleh memberi kesan terhadap jutaan ringgit nilai eksport negara ke AS.

"Kita semua jangka isu ini berlaku sejak kempen (pilihan raya) Presiden AS lagi, yang mana calon yang menang hari ini sudah menyebut tentang tarif dalam

kempennya," katanya

Datuk Dr Radzi Jidin (PN-Putrajaya) pula berkata, dalam runtingan tarif timbal balas ini, Malaysia tidak seharusnya berkompromi dalam isu persijilan halal.

"Dalam keadaan Malaysia negara cukup dihormati dalam konteks pensijilan halal, dijangka pada 2030 nilai dagangan halal ini bakal mencecah lebih AS\$5 trilion (RM21 trilion). Pasaran (halal) ini besar," katanya.

Laporan oleh FITRI NIZAM, ARIF AIMAN ASROL dan AIMAN ALI

Tangguh dulu penyiasaran RON95, naik tarif elektrik

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta untuk menangguhkan penyiasaran subsidi minyak petrol RON95 yang dijangka dilaksanakan pada pertengahan tahun ini susulan isu tarif timbal balik Amerika Syarikat (AS).

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, sebarang perubahan dasar negara di tengah-tengah ketidak-tentuan ekonomi global boleh memberi tekanan kos dan melemahkan sentimen perniagaan, yang akhirnya membebankan pengguna.

Katanya, malah kerajaan juga perlu menangguhkan kenaikan tarif elektrik.

"Tentang kenaikan harga RON95 pada Jun supaya kerajaan ambil kira dan kalau boleh kita tangguhkan, begitu juga kenaikan tarif elektrik pada Julai dan langkah perluasan skop SST kena ambil kira juga.

"Saya juga mohon kerajaan tangguh pembelian 30 pesawat Boeing ketika ekonomi negara dalam keadaan tidak menentu ini. Kerajaan perlu prihatin dan ambil serius kesan pelaksanaan tarif ini," katanya dalam Sidang Khas Parlimen mengenai tarif timbal balik AS, semalam.

Dalam pada itu, Hamzah berkata, kerajaan diminta mewujudkan sebuah jawatankuasa yang melibatkan wakil rakyat blok kerajaan dan pem-



SIDANG Khas Dewan Rakyat dimulakan dengan memberi penghormatan kepada Perdana Menteri Kelima, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi yang meninggal dunia pada 14 April lalu. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

bangkang bagi membincangkan isu tarif timbal balik AS di samping melibatkan kerajaan negeri termasuk di bawah pentadbiran pembangkang.

Katanya, perkara itu terbukti berkesan menerusi kejayaan jawatankuasa khas pelaksanaan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

"Dalam itu nanti sudah pasti kita akan beri pandangan, cadangan kami kerana apabila ia dibawa ke jawatankuasa kita

sama-sama boleh bincangkan.

"Kerajaan perlu lebih terbuka untuk menubuhkan jawatankuasa kerana ini melibatkan masalah ekonomi negara, maka ia membabitkan semua kerajaan negeri. Jika dulu kita boleh lakukan saya mohon sekarang pun ia dilakukan," katanya.

Dalam pada itu, Hamzah berkata, kerajaan diingatkan untuk mengekalkan polisi berkecuali seperti amalan sebelum ini supaya Malaysia tidak

menjadi mangsa keadaan konflik antara kuasa besar.

Kata beliau, pertembungan tersebut menyebabkan Malaysia terpaksa mencari jalan penyelesaian supaya tidak dikenakan tempas.

"Kami di sebelah sini (blok pembangkang) ingin menasihatkan kerajaan supaya polisi kita yang sentiasa *neutral* itu harus kita pertahankan. Jangan sesekali nampak seolah kita berpihak kepada satu negara semata-mata," katanya.



HAMZAH (kiri) mendengar penerangan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam.

Tangguh kenaikan RON95, tarif elektrik bantu rakyat

KUALA LUMPUR – Beberapa Ahli Parlimen mencadangkan kerajaan menangguhkan peningkatan harga RON95 dan kadar tarif elektrik tahun ini berikutan kenaikan tarif timbal balas Amerika Syarikat (AS).

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, perubahan terhadap dasar fiskal negara yang boleh memberi tekanan kos dan melemahkan sentimen perniagaan perlu ditangguh.

"Perubahan dasar ini akhirnya membebaskan pengguna. Kita tangguh kenaikan RON95 pada Jun ini, tangguh kenaikan tarif elektrik pada Ju-

lai 2025 dan tangguh peluasan skop SST.

"Beli 30 pesawat Boeing dalam keadaan ekonomi tak menentu, kita tangguhkan," katanya pada sesi perbahasan pada mesyuarat khas berkenaan isu tarif AS di Dewan Rakyat semalam.

Lim Guan Eng (**PH-Bagan**) pula menyarankan kerajaan membekukan syor yang boleh menambah beban industri seperti cukai atau kenaikan tarif elektrik 14.2 peratus serta pelaksanaan e-Invoice pada Julai ini.

Kata beliau, kerajaan juga wajar menimbang menarik balik cadangan sumbangan Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dua peratus oleh majikan bagi pekerja asing.

Selain itu, beliau mencadangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) diturunkan sebanyak satu peratus daripada tiga peratus sekarang kepada dua peratus.

Bekas Menteri Kewangan itu berkata, pakej rangsangan ekonomi kepada industri terjejas serta pekerja kehilangan pekerjaan perlu dilaksanakan.

"Sektor perbankan diwajibkan memberi pinjaman mudah atau kelonggaran pinjaman sedia ada. Jangan hanya tahu untung, tapi tidak tahu tanggung beban bersama," katanya.

Tangguh penyasaran subsidi RON95, elektrik

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen menggesa kerajaan menangguhkan pelaksanaan cadangan penyasaran subsidi RON95 dan kadar tarif elektrik tahun ini.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, langkah itu perlu bagi menunjukkan kerajaan prihatin serta mengambil serius kesan di sebalik pelaksanaan tarif timbal balas oleh Amerika Syarikat (AS).

"Kita tangguh perubahan dasar terutama dasar fiskal negara yang boleh beri tekanan kos dan lemahkan sentimen perniagaan dan akhirnya membebankan pengguna. Saya nak bagi contoh, (cadangan) kenaikan RON95 Jun ini supaya kerajaan ambil kira. Kalau boleh kita tangguh, kita tangguhkan."

"Begitu juga dengan (cadangan) kenaikan tarif elektrik pada Julai 2025 dan kita tangguh langkah peluasan skop SST (cukai barangan dan perkhidmatan) tentunya kita ambil kira juga. Beli 30 pesawat Boeing dalam keadaan ekonomi tak menentu ini, kita tangguhkan dulu," katanya pada sesi perbincangan pada mesyuarat khas berkenaan isu tarif AS di Dewan Rakyat, semalam.

Lim Guan Eng (PH-Bagan) pula berkata, selain menangguhkan pengapungan RON95 kepada harga pasaran, kerajaan perlu bekukan

segala syor yang boleh menambah beban industri seperti cukai atau kenaikan tarif elektrik 14.2 peratus serta pelaksanaan e-Invoice pada Julai ini.

"Pengumuman menangguhkan peluasan skop SST pada 1 Mei lalu amat dialu-alukan. Kerajaan juga harus menimbang menarik balik cadangan sumbangan KWSP dua peratus majikan kepada pekerja asing."

"Menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) Bank Negara sebanyak satu peratus daripada tiga peratus sekarang kepada dua peratus. Memandangkan kadar inflasi kian terkawal, sasaran utama harus difokuskan kepada menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang boleh dijalankan dengan menurunkan OPR. Kita harap tindakan agresif oleh Bank Negara," katanya.

Beliau yang juga bekas Menteri Kewangan berkata, pakej rangsangan ekonomi kepada industri terjejas serta pekerja kehilangan pekerjaan perlu dilaksanakan.

"Selain geran kerajaan diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), sektor perbankan harus diwajibkan memberi pinjaman mudah atau kelonggaran pinjaman sedia ada."

"Jangan hanya tahu untung, tapi tidak tahu tanggung beban bersama," katanya.

Ahli Parlimen gesa kerajaan berbuat demikian berikutan kebimbangan terhadap tekanan kewangan akibat tarif timbal balas AS

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
KUALA LUMPUR

Tangguh penarikan subsidi RON95, kenaikan tarif elektrik

Dua ahli Dewan Rakyat menggesa kerajaan menangguhkan dasar fiskal seperti penarikan subsidi RON95 dan kenaikan tarif elektrik berikutan kebimbangan terhadap tekanan kewangan ke atas rakyat akibat tarif timbal balas Amerika Syarikat (AS).

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng menyuarakan pandangan mereka terhadap beban kos sara hidup yang semakin menghimpit pengguna dalam perbahasan Sidang Khas Dewan Rakyat.

Hamzah berkata, penarikan subsidi petrol RON95 sebagai bahan api utama kebanyakan pengguna kenderaan harian dibimbangi bakal menambahkan tekanan kepada kos sara hidup akibat kesan tarif AS terhadap sektor perdagangan negara.

"Kita harus menangguhkan sebarang perubahan dasar, terutama dasar fiskal negara yang boleh memberi tekanan kepada kos, melemahkan sentimen perniagaan dan akhirnya membebankan pengguna.



HAMZAH

GUAN ENG

"Saya hendak beri contoh mengenai kenaikan harga RON95 Julai ini (apabila subsidi ditarik balik). Kerajaan akan ambil kira dan kalau boleh tangguh, kita tangguh.

"Sama juga dengan kenaikan tarif elektrik pada Julai," katanya ketika Sidang Khas Dewan Rakyat pada Isnin.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, terdapat kebimbangan bahawa sumbangan sektor industri kecil dan sederhana (IKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka menyusut sehingga 35 peratus sekiranya kerajaan tidak mengambil langkah perlindungan sewajarnya berhubung isu berkenaan.

Menurutnya, beberapa langkah fiskal seperti cukai, kenaikan tarif elektrik dan pelaksanaan e-invoice perlu ditangguhkan

bagi mengurangkan beban kewangan kepada industri berkenaan.

"Selain itu, menangguhkan pengapung-an minyak RON95 kepada harga pasaran. Pengumuman Timbalan Menteri Kewangan menangguhkan skop perluasan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) pada 1 Mei 2025 amat dialu-alukan.

"Kerajaan juga harus menimbang menarik balik cadangan sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dua peratus oleh majikan bagi pekerja asing.

"Menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) Bank Negara Malaysia (BNM) daripada tiga peratus kepada dua peratus," ujarnya dalam perbahasan selepas Hamzah.

Pada Jumaat, *Sinar Harian* melaporkan saranan Ahli Parlimen Subang, Wong Chen yang berpandangan bahawa pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 dan kenaikan tarif elektrik dalam masa terdekat perlu ditangguhkan bagi memberi ruang kepada industri tempatan menstabilkan semula operasi.

Ketika menjadi panel Wacana Sinar Harian edisi-478 bertajuk Perang tarif AS: Apa kesan terburuk kepada rakyat?, ahli Parlimen daripada PKR itu berkata, ekonomi global ketika ini sedang mengalami gangguan rantaian bekalan akibat tarif AS yang dijangka berturut-turut tiga hingga enam bulan lagi.



Laporan Sinar Harian pada Jumaat.

Samenta harap henti kenaikan kos baharu

Kuala Lumpur: Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta) menyambut baik inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kesan tarif timbal balik yang dikenakan oleh Amerika Syarikat (AS) ke atas Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Presidennya, Datuk William Ng berkata, walaupun sebahagian besar PKS bukan pengeksport mahupun pengilang, mereka masih akan terjejas oleh tarif apabila kos meningkat dan perbelanjaan pengguna menurun.

Beliau berkata, persatuan itu berharap kerajaan akan menghentikan semua kenaikan kos baharu dan terancang, termasuk pengembangan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), dan mempertimbangkan untuk menarik balik larangan pekerja asing untuk membantu PKS dalam sektor perkhidmatan menangani tarif.

“Apa yang diperlukan



ialah kumpulan intervensi yang luas, memandangkan industri yang berbeza dipengaruhi secara berbeza.

“Apa yang paling membantu PKS pada masa ini ialah mengelak panik, kerana kebanyakan PKS kami adalah perniagaan dalam negeri. Sebarang kehilangan keyakinan dan perbelanjaan pengguna akan menjejaskan PKS kami lebih daripada tarif itu sendiri,” katanya kepada Bernama ketika dihubungi, semalam.

Ng berkata, selain menyokong perniagaan yang terjejas, terutamanya



Apa yang paling membantu PKS pada masa ini ialah mengelak panik, kerana kebanyakan PKS kami adalah perniagaan dalam negeri. Sebarang kehilangan keyakinan dan perbelanjaan pengguna akan menjejaskan PKS”

William

yang bergantung kepada pasaran AS atau sangat dipengaruhi oleh kos rantaian bekalan, kerajaan juga mesti memastikan tiada kos tambahan diperkenalkan.

“Ini termasuk menghentikan semua kenaikan kos yang dirancang, seperti yang berkaitan dengan tarif elektrik dan air, yuran majlis, rasionalisasi subsidi, dan pengemba-

ngan SST,” tambahnya.

Sementara itu, pensyarah di Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Roslan Jaafar berkata, impak tarif AS terhadap PKS sebahagian besarnya bergantung kepada orientasi pasaran dan kedudukan mereka dalam rantaian bekalan.

Beliau berkata, PKS yang terbabat dalam rantaian bekalan global mungkin menghadapi peningkatan kos input atau tarif balasan di luar negara, yang boleh menjadikan produk mereka kurang kompetitif di peringkat tempatan dan antarabangsa.

“Jika produk mereka dieksport ke AS, tarif akan mengurangkan daya saing mereka, menjadikannya lebih mahal daripada barangan keluaran tempatan di AS. Bagaimanapun, jika produk mereka bertujuan semata-mata untuk pasaran Malaysia, mereka akan kurang terjejas,” tambahnya.

商會：別壓垮中小企 吁暫停擴大SST穩成本

（吉隆坡5日讯）马来西亚中小企业商会（SAMENTA）吁请政府，暂停所有针对中小企业的新增及计划中的成本上涨举措，包括即将扩大征收范围的销售与服务税（SST）以及各机构和地方议会提议的额外收费项目。

盼冻结新许可等要求

该会总会长拿督吴恩明发表文告说，在当前经济环境下，任何微小的成本增加都可能成为压垮众多中小企业的“最后一根稻草”。

吴恩明也呼吁暂时冻结新的许可和合规要求，避免给处在艰难的同业增添额外负担。

他说，这些关税及背后更广泛的全球贸易动荡，并非仅影响出口企业，事实上，马来西亚超过84%的中小企业既不涉及出口业务，也不属于制造业范畴，这些涵盖本地服务、零售、物流、建筑、贸易和餐饮等行业的企业，正随着投入成本攀升、供应链收紧以及消费者支出下滑，面临着同样严峻的冲击。

他指出，对这些中小企业而言，风险不仅在

于错失全球市场，更在于它们将直接承受通胀压力和国内需求下降的双重打击，与大型企业或出口型企业不同，它们缺乏足够的缓冲空间和利润空间来抵御风险。

增公平竞争法执行力

另外，吴恩明指出，劳动力短缺也是存在的一个问题，尤其在服务行业表现明显，希望政府能够考虑放宽外籍劳工雇佣限制，特别是餐饮服务、旅游和物流等。不仅如此，随着跨国公司和区域竞争对手试图对冲出口市场的不确定性，外国企业涌入马来西亚国内服务行业的可能性不断增大，这进一步加剧中小企业面临的挑战。

因此，该会吁请政府积极行动，通过加强公平竞争法执行力度，对进入战略服务领域的外国企业提出本地股权要求，以及防范掠夺性定价行为等措施，为本地中小企业营造公平的竞争环境。

文告说，鉴于消费者信心疲弱，政府应考虑提出激励措施，鼓励消费者支持本地中小企业，并推动政府关联公司（GLC）和大型企业增加



吴恩明冀政府暂停所有针对中小企业的新增及计划中的成本上涨举措。（马来西亚中小企业商会提供）

从国内供应商的采购量，以此刺激国内需求。

吴恩明指出，由于许多位于城市中心的小企业，仍在现金流紧张和租金压力下苦苦挣扎，希望政府考虑提供零利率或延期还款的营运资金贷款，助力这些企业在未来数月维持运营，这次美国关税课题，凸显马来西亚中小企业生态系统的结构性脆弱性。”

他说，马来西亚经济存在一个现实矛盾，尽管整体经济有所增长，但多数中小企业因结构性失衡和运营成本上升，发展步伐逐渐落后，此次关税冲击再次发出警示，国内的经济模式必须进行调整，应围绕推动就业和国内经济活动的150万家中小企业需求展开，而非仅聚焦少数大企业。

Ministry to **increase supply** of special grade eggs

► Move would provide public with more affordable options and help stabilise prices after subsidy removal: Minister

KUALA TERENGGANU: The Agriculture and Food Security Ministry will increase the production of lower-priced special grade chicken eggs following the government decision to end egg subsidies beginning Aug 1, said its minister Datuk Seri Mohamad Sabu. He said this would provide

the public with more affordable egg options while helping to stabilise prices.

"We also aim to increase the supply of cheaper special eggs, such as those sold during Ramadan (in March), which were priced at RM5 per tray.

"We are not sure what the price

will be but we are confident it will not spike uncontrollably," he told reporters after attending the Terengganu Pakatan Harapan Aidilfitri Open House on Sunday.

On April 30, the ministry announced the subsidy removal and stated that several intervention measures would be implemented jointly with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to minimise the impact on the people's cost of living.

Among these measures, the government has secured the industry's commitment to introduce special grade eggs at

reasonable prices.

Mohamad said in addition to special grade eggs, the public could obtain competitively priced eggs through nationwide initiatives, such as Jualan Agro Madani and Jualan Rahmah.

He emphasised that the decision to end the egg subsidy and price controls, as well as the reduction in subsidy rate from 10 sen to 5 sen per egg effective May 1, was made through stakeholder engagement.

"The decision was made via consultation. We negotiated first with egg producers and industry players. We also implemented the removal in a soft landing manner, not abruptly. I believe egg prices will not surge."

He also encouraged the cultivation of local young coconuts, especially aromatic varieties, in response to rising demand from China, Bernama reported.

"This presents an opportunity for Terengganu, with its vast land area, to focus on this crop, which could generate good income. China has a population of over 1.4 billion, with more than 800 million having spending power. This is an economic opportunity."

On April 19, Agriculture Department director-general Datuk Nor Sam Alwi said the opening of the fresh coconut market to China under the Phytosanitary Requirements Protocol marks a strengthening of biosecurity measures and the establishment of a more systematic traceability element in quality young coconut production.

He said Malaysia would export young coconuts primarily for fresh beverage consumption, with priority given to aromatic varieties such as pandan coconuts, which are known for their unique fragrance and a Brix sweetness level of around 6.7.



Mohamad said in addition to special grade eggs, the public could obtain competitively priced eggs through nationwide initiatives, such as Jualan Agro Madani and Jualan Rahmah. — **ADAM AMIR HAMZAH/THESUN**

Redah 500km demi cari stok kelapa

- Kelapa import sangat terhad, terpaksa cari alternatif
- Peniaga Gua Musang jual santan pada harga RM16 sekilo

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seorang peniaga santan terpaksa meredah perjalanan sejauh lebih 500 kilometer (km) dari Gua Musang ke Johor, untuk membeli kelapa untuk jualan santan di premisnya.

Muhammad Nur Fikri Mat Alias, 33, berkata, dia tiada pilihan lain apabila perlu pergi ke Pontian dan Johor Bahru susulan kekurangan kelapa import Indonesia di daerah ini sejak tahun lalu.

Ujarnya, dia memerlukan 5,000 hingga 7,000 biji kelapa dalam tempoh tiga hari untuk menampung bekalan jualan santan.

Katanya, bekalan kelapa import terhad menyebabkan dia terpaksa beralih kepada bekalan kelapa kampung tempatan.

"Alhamdulillah, setakat ini bekalan kelapa masih bertahan



MUHAMMAD NUR FIKRI (kiri) memeriksa bekalan kelapa yang akan diproses menjadi santan di Kampung Kolam Mas, Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

dan mencukupi untuk menampung permintaan penduduk Gua Musang.

"Saya perlu memproses 500 kilogram santan segar untuk memenuhi permintaan penduduk termasuk peniaga catering yang terlibat dengan rumah terbuka Aidilfitri baru-baru ini," katanya ketika ditemui di Kampung Kolam Mas di sini semalam.

Muhammad Nur Fikri berkata, dia kini terpaksa ke Johor dari Gua Musang secara berkala bagi menampung bekalan santan.

Katanya, dia terpaksa menaikkan harga santan kepada RM16 berbanding RM13 sebelum ini susulan kesukaran mendapatkan bekalan kelapa.

"Saya bersyukur permintaan santan segar daripada pelanggan baik walaupun harga terpaksa dinaikkan.

"Orang ramai tetap menggunakan santan segar dalam masakan kerana rasanya berbeza dengan santan segera dalam kotak," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, kekurangan bekalan dan kenaikan harga kelapa diimport dari Indonesia antara faktor kenaikan harga santan segar secara mendadak di pasaran sejak November tahun lalu, perkara itu disebabkan kekurangan kelapa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-May	Lawyers: Only KPDN Can Enforce Drug Price Display, Not MOH	https://codeblue.galencentre.org/2025/05/lawyers-only-kpdn-can-enforce-drug-price-display-not-moh/	GALEN CENTRE
6-May	Bayaran ubat di klinik swasta lebih mahal hingga 75 peratus	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2025/05/1392327/bayaran-ubat-di-klinik-swasta-lebih-mahal-hingga-75-peratus	BERITA HARIAN
6-May	CUEPACS sokong dasar pemaparan harga ubat	https://malaysiagazette.com/2025/05/05/cuepacs-sokong-dasar-pemaparan-harga-ubat/	MALAYSIA GAZETTE
6-May	Private clinics mark up medicine prices by as much as 75pct, survey reveals	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/05/1211609/private-clinics-mark-medicine-prices-much-75pct-survey-reveals	NST
6-May	Lelaki ditahan cuba seludup keluar 400 liter petrol ke Thailand	https://www.sinarharian.com.my/article/726731/edisi/kelantan/lelaki-ditahan-cuba-seludup-keluar-400-liter-petrol-ke-thailand	SINAR HARIAN
6-May	PPM gagalkan cubaan lelaki seludup 400 liter petrol ke Thailand	https://www.utusan.com.my/berita/2025/05/ppm-gagalkan-cubaan-lelaki-seludup-400-liter-petrol-ke-thailand/	UTUSAN
6-May	Mohamad Sabu: Egg prices unlikely to spike despite subsidy removal	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/05/1211415/mohamad-sabu-egg-prices-unlikely-spike-despite-subsidy-removal	NST

6-May	Keluaran telur gred khas harga murah akan diperbanyakkan	https://www.suarakeadilan.my/post/keluaran-telur-gred-khas-harga-murah-akan-diperbanyakkan	SUARA KEADILAN
6-May	Dasar Pemaparan Harga Ubatan Tingkat Sistem Kesihatan Negara Lebih Telus	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2419920	BERNAMA
6-May	Cuepacs welcomes medicine price display policy	https://thesun.my/malaysia-news/cuepacs-welcomes-medicine-price-display-policy-PG14039611	THE SUN
6-May	Tangguh kenaikan RON95, tarif elektrik	https://bebasnews.my/2025/05/05/tangguh-kenaikan-ron95-tarif-elektrik/	BEBASNEWS
6-May	Cubaan seludup petrol ke negara jiran tumpas	https://malaysiagazette.com/2025/05/05/cubaan-seludup-petrol-ke-negara-jiran-tumpas/	MALAYSIA GAZETTE
6-May	Cubaan Seludup Petrol Ke Negara Jiran Tumpas	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2419990	BERNAMA
6-May	Bid to smuggle 400 litres of petrol to neighbouring country foiled	https://thesun.my/malaysia-news/bid-to-smuggle-400-litres-of-petrol-to-neighbouring-country-foiled-LB14040281	THE SUN
6-May	Penarikan subsidi telur: Kerajaan akan perbanyak keluaran telur gred khas – Mohamad Sabu	https://www.1media.my/2025/05/penarikan-subsidi-telur-kerajaan-akan.html	1MEDIA